



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (85)
Tarikh : 7 Disember 2021

SIARAN MEDIA

MESYUARAT YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN BERSAMA EXCO-EXCO PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN NEGERI-NEGERI (MEXCOPT) BIL 2/2021

PUTRAJAYA, 7 Disember 2021 – YB Dato'Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mempengerusikan Mesyuarat Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri-Negeri (MEXCOPT) Bil. 2/2021 di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Putrajaya pagi ini. Mesyuarat telah dihadiri oleh Exco-Exco Kerajaan Negeri, barisan pengurusan tertinggi KPKT serta Ketua - ketua Jabatan/Agensi di bawah KPKT.

MEXCOPT merupakan **platform berkesan untuk mendapatkan pemahaman dan sokongan serta kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Exco-Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam melaksanakan dasar, hala tuju baharu KPKT serta mengetengahkan pendekatan serta strategi-strategi yang akan diguna pakai KPKT** dalam mendepani cabaran perumahan dan perbandaran baharu.

Statistik keseluruhan projek perumahan swasta yang terbengkalai / sakit mengikut kategori perumahan dan negeri juga telah dikongsi bersama exco-exco negeri. Perkara ini adalah agar projek-projek tersebut diberi perhatian untuk dipulihkan dengan pendekatan yang strategik dan holistik.

MEXCOPT pada kali ini telah menyambut baik **inisiatif KPKT untuk menubuhkan Majlis Ekonomi Kitaran Negara bagi mendapatkan satu penyelesaian holistik dalam bidang pengurusan sisa pepejal negara** yang seterusnya dapat menyumbang ke arah pengurangan pembuangan sisa ke tapak pelupusan. Majlis ini

akan meneliti teknologi yang sesuai digunakan di sesuatu negeri dan lokaliti tertakluk kepada keperluan dan kesesuaian seperti *Waste-to-Energy (WtE)*, *Anaerobik Digester* dan teknologi-teknologi baharu yang lain.

Majlis Ekonomi Kitaran Negara ini akan menjadi platform di peringkat nasional yang bertujuan sebagai penyelarar kepada penyeragaman rangka kerja ekonomi linear yang berbeza-beza antara kementerian dan negeri di peringkat pembuatan produk, penjanaan sisa, kutipan sisa pepejal, rawatan sisa, serta pelupusan sisa pepejal. Majlis ini juga akan meneliti tindakan-tindakan wajar yang perlu diambil dalam menangani isu sampah terapung di persisiran pantai dan pinggir bandar.

Selain itu, exco-exco negeri juga telah menyatakan **sokongan padu ke atas draf Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar** yang telah disediakan oleh KPKT **bagi mengatasi isu *brownfield*** yang boleh menjejaskan imej dan daya saing sesuatu kawasan. KPKT berharap melalui sokongan ini, hasrat Kementerian dalam memacu ke arah penjanaan semula bandar dapat dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan.

MEXCOPT turut mengambil maklum inisiatif JENDELA @ PPR yang baru sahaja dilancarkan semalam di PPR Senawang, Negeri Sembilan. Inisiatif ini adalah kesinambungan dari program Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi memberikan keterhubungan akses internet kepada penduduk-penduduk di PPR. Melalui inisiatif ini, KPKT telah menyediakan infrastruktur komunikasi dan akses internet melalui pemasangan *wireless* hotspot di 36 buah PPR seluruh Malaysia.

Untuk tahun 2022, KPKT menyasarkan lebih banyak PPR di negeri-negeri akan dilengkapi dengan kemudahan ini. KPKT berhasrat untuk memastikan semua PPR mempunyai jaringan fiber yang mencukupi bagi melahirkan digital komuniti PPR dalam menjalani kehidupan lestari selain membina keyakinan golongan B40 khususnya yang terlibat dengan perniagaan dan pembelajaran secara dalam talian.

YB Dato' Sri Reezal Merican menjelaskan bahawa Mesyuarat MEXCOPT ini bertujuan **memantapkan penyelarasan dan sinergi di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perancangan dan pelaksanaan program serta projek**

pembangunan yang melibatkan sektor perumahan dan kerajaan tempatan. Di samping itu, mesyuarat ini juga adalah sebagai satu platform untuk memantau pelaksanaan dan prestasi program/projek pembangunan KPKT di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan kepada semua exco yang hadir serta memberi komitmen dalam menjayakan perancangan yang dilakar melalui RMKe-12. Dalam pada itu, Indeks Daya Huni Malaysia telah diperkenalkan sebagai penanda aras kepada PBT-PBT di negeri untuk memperhebatkan usaha bagi menjadikan *Liveable Malaysia* suatu realiti. Perkara ini juga telah disambut baik oleh semua exco-exco negeri.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

